

21 APR 1999

EKONOMI-ULASAN

PENGAUKUAN LUAR NEGARA TENTANG PEMULIHAN EKONOMI MALAYSIA SEMAKIN BERGEMA

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Suara ramai daripada bank-bank pelaburan dan penganalisis luar negara yang menyatakan keyakinan dan sokongan terhadap pemulihan ekonomi Malaysia mula berkumandang dan semakin bergema.

Sesungguhnya ini amat berbeza daripada ramalan malapetaka dan kemuraman yang baru sahaja mereka buat tujuh bulan lalu.

Pada kemuncak kemelut ekonomi, Malaysia telah diberitahu bahawa rumusan struktur kewangan ketat dan kadar faedah tinggi yang diberikan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) merupakan opsyen terbaik yang ada.

Tetapi Malaysia tidak menyerah kalah kepada tekanan yang memuncak itu dan mengambil keputusan untuk bertindak sendiri serta mencari penyelesaian yang kurang merosakkan.

Apabila Malaysia mengenakan kawalan pertukaran berpilih pada 1 September tahun lalu bagi melindungi ekonominya daripada kemelut ekonomi global, ramai penganalisis asing segera berkata bahawa pihak berkuasa telah mengambil sikap mengasingkan diri, sama seperti seekor burung unta yang menyembunyikan kepalanya ke dalam pasir!

Malah terdapat satu jenaka dalam Internet yang mengatakan bahawa Tuhanpun menangis melihat masalah ekonomi Malaysia.

Tetapi bak kata orang, rentaknya sudah berbeza sekarang. Hampir semua orang kini memuji dan memuja Malaysia dan tindakannya melaksanakan dasar-dasar ekonominya.

Perlu ditegaskan bahawa semasa krisis kewangan mula-mula melanda Malaysia dalam separuh kedua tahun 1997, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah penting kita tidak berputus asa atau merasa cemas.

Maka penggubal strategi kewangan dan ekonomi negara tidak gelabah!

Penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) awal tahun lalu bagi menangani masalah-masalah ini secara agresif dan perumusan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) enam bulan kemudian telah membuktikan bahawa kerajaan sememangnya bersungguh-sungguh dalam usaha memulihkan ekonomi.

PPEN telah disambut baik dan dianggap sebagai peta jalan ke arah merangsang ekonomi... dan sesungguhnya ekonomi telah terangsang.

Setelah mengalami kemerosotan pertumbuhan ekonomi sebanyak 6.7 peratus tahun lalu, ekonomi Malaysia kini hampir pasti mencatat sekurang-kurangnya 1.0 peratus pertumbuhan tahun ini. Tetapi beberapa penganalisis lebih yakin lagi dan bermurah hati apabila mereka menyebut tahap pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 2.0 peratus atau lebih.

Salomon Smith Barney, penasihat kewangan kerajaan, merupakan agensi pelaburan asing pertama yang meramalkan bahawa ekonomi Malaysia berada di landasan yang betul ke arah pemulihan pada bulan Januari tahun ini.

Sebelum Bank Negara Malaysia meramalkan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak 1.0 peratus bagi tahun ini, tiga agensi pelaburan asing memberikan pendapat yang menggalakkan tentang ekonomi Malaysia bulan lalu.

Credit Suisse First Boston adalah yang pertama membuat ramalannya bahawa Malaysia akan mencatat pertumbuhan 3.0 peratus selepas berkata bahawa kemajuan yang pesat telah dicapai dalam menangani pinjaman tidak berbayar dan menyusun semula sistem perbankan.

Kemudian Merrill Lynch berkata ekonomi Malaysia akan tumbuh sebanyak 2.0 peratus tahun ini memandangkan eksport yang kukuh dan pemulihan

perbelanjaan pengguna.

SG Securities juga membuat ramalan pertumbuhan sebanyak 2.5 peratus tahun ini memandangkan bahawa ekonomi yang dilanda kemelesetan ini telah mencapai titik peralihan.

Minggu lalu, Goldman Sachs berkata ekonomi akan mencapai pertumbuhan sebanyak 2.0 peratus tahun ini dan Malaysia mampu mengumpul dana di luar negara kerana sekarang penarafannya telah meningkat. Agensi penarafan Standard & Poor's dan Moody's kini telah mengubah penarafan mereka bagi bon Malaysia kepada stabil daripada negatif.

Semalam, Bank Pembangunan Asia berkata ekonomi Malaysia akan berkembang 0.7 peratus tahun ini dan hari ini IMF mengunjurkan pencapaian yang lebih tinggi -- 0.9 peratus.

Ramalan-ramalan ini amat memberangsangkan bagi Malaysia yang sedang pulih daripada kemelut ini. Sesungguhnya kita tidak cemas! -- BERNAMA

SHY KY OS